



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PROGRAM SATELIT KOMUNITI RAKYAT MADANI TAHUN 2026 BERI MANFAAT KEPADA 120 BUAH KRT DI SELURUH NEGARA

IPOH, 24 Januari – Sebanyak **RM600 ribu** telah diperuntukkan kepada **120 buah KRT di seluruh negara** bagi melaksanakan aktiviti di bawah **Program Satelit Komuniti Rakyat MADANI Tahun 2026**. Majlis penyerahan *mock cheque* program ini telah disempurnakan oleh **YB Datuk Aaron Ago Dagang**, Menteri Perpaduan Negara.

Bagi **Bandar Ipoh**, sebanyak **10 KRT** akan menerima peruntukan ini iaitu **RM5 ribu bagi setiap KRT**. Program Satelit Komuniti MADANI ialah satu inisiatif di bawah **Program MADANI Rakyat (PMR)** dengan penyertaan lebih tujuh (7) buah agensi kerajaan utama termasuk Kementerian Perpaduan Negara (KPN) yang **memfokuskan usaha untuk memperkukuh perpaduan, kesejahteraan sosial dan pembangunan komuniti secara menyeluruh**.

Pada tahun ini, program **Satelit Komuniti MADANI** akan dilaksanakan di **15 lokasi luar tapak PMR** berbanding **10 lokasi pada tahun 2025**. Pendekatan ini diharap dapat **memperluas capaian program serta memastikan impak positif dirasakan secara lebug meluas di akar umbi**.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya berkata, KPN yakin program ini dilaksanakan tepat pada masanya kerana **selari dengan program teras Komuniti MADANI**, iaitu satu daipada kluster utama **KPN bagi tahun 2026** yang bertujuan **memperkukuh semangat kejiranan dan kebersamaan dalam masyarakat**.

Jelas beliau lagi, dengan **sokongan dan kerjasama yang berterusan daripada semua pihak, komuniti mampu menjadi ejen perubahan yang membina masyarakat yang harmoni, inklusif dan sejahtera.**

Sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI, Kementerian Perpaduan Negara komited memperkasa KRT melalui penerokaan kaedah dan pendekatan baharu yang lebih dinamik, lestari serta mampu menjadikan KRT sebagai pemangkin perpaduan di peringkat akar umbi.

Kementerian Perpaduan Negara

23 Januari 2026

KPN.100-9/1/16 (4)